

REAKSI ORANG MUDA

Laman sosial Facebook, twitter dan WhatsApp hanya pencetus masalah institusi keluarga dan negara. Benarkah?



'LAMAN Sosial Facebook, Twitter, WhatsApp ialah satu medium di mana setiap orang boleh mewujudkan 'web page' peribadi

yang digunakan secara meluas untuk fungsi yang pelbagai seperti berhubung dengan teman-teman, berbincang, berkongsi, menciptakan isi meliputi blog, jejaring sosial, forum dan dunia virtual. Tidak dinafikan bahawa kewujudan media sosial menyumbang kepada keruntuhan institusi keluarga dan negara. Hal ini berlaku kepada institusi keluarga apabila wujudnya pasangan yang menggunakan media sosial ini sebagai medium melakukan kecurangan terhadap pasangannya dan realitinya juga ada pasangan yang menggunakan laman sosial untuk menyampaikan lafaz talak.

AERVINA MISRON
Universiti Teknologi Malaysia



MEDIA sosial menjadikan masyarakat kini lebih antisosial. Perkara ini mampu melarat sehingga berlakunya keruntuhan institusi

rumah tangga dan akhirnya negara. Ini kerana kebanyakan pengguna media sosial berasa seronok dan khayal apabila menggunakan media sosial. Maka apabila terlalu khusyuk melayan media sosial, masyarakat kurang berkomunikasi secara langsung. Mereka lebih selesa berkomunikasi menggunakan media sosial berbanding secara nyata. Saya berpendapat, berkomunikasi di media sosial tidak memerlukan



'TIDAK benar jika laman sosial dikatakan pencetus masalah besar dalam institusi keluarga dan negara. Semua ini bergantung pada nilai-nilai murni dan sikap yang terdapat dalam diri individu tersebut sama ada penggunaannya secara terkawal ataupun tidak. Satu hakikat yang perlu disedari adalah perubahan terhadap gaya hidup berorientasikan teknologi dan kemajuan maklumat memberi kesan positif dan negatif. Di samping itu, ia turut menjadi cabaran terhadap nilai, budaya, pemikiran dan corak hidup yang mengikut adat, tatasusila ketimuran dan penghayatan agama.

ZAINAL ADZAM ZAINAL AWALUDDIN
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

keberanian yang cukup berbanding komunikasi secara nyata.

IQBAL HISYAM MOHD. NASIR
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



LAMAN sosial Facebook, Twitter dan WhatsApp hanya pencetus masalah institusi keluarga dan negara. Kemesraan antara ahli keluarga

terjejas apabila terlalu fokus dengan telefon bimbit semasa di meja makan. Trend ini menyebabkan mereka tidak dapat bergaul dengan orang lain dan sentiasa 'berkawan' dengan telefon bimbit. Penyebaran maklumat palsu di laman sosial kepada umum tanpa ditapis akan memberi kesan buruk kepada orang ramai dengan memperoleh maklumat yang salah serta memesonkan fikiran masyarakat. Segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab juga menyalahgunakan laman sosial untuk melakukan kes penipuan yang menggugat keharmonian negara.

FOO MEI QI
Universiti Malaysia Sarawak

KECANGGIHAN teknologi masa kini dengan aplikasi laman sosial seperti Facebook, WhatsApp dan seumpamanya memberi kesan negatif dalam institusi keluarga seandainya pengguna ketagih dan



menyalahgunakan waktu berkualiti kepada aplikasi ini. Lebih buruk lagi pekerja kolar putih yang turut terkesan dengan fenomena ini

memberi impak kurang sihat kepada kelincinan pentadbiran negara.

MOHD. FITZRIE ISKANDAR
MOHD. ABD. KUDUS
Universiti Utara Malaysia

KEWUJUDAN laman sosial seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp adalah sebagai alat untuk berhubung dengan

lebih pantas dalam masyarakat terutamanya para belia. Kewujudan laman sosial mendatangkan banyak faedah namun, jika tidak digunakan sebaiknya ia mampu menjadi pencetus masalah institusi keluarga dan negara. Mereka lebih suka meluahkan mengenai sesuatu perkara di medium laman sosial berbanding berkongsi bersama keluarga. Ini sudah pasti menjejaskan hubungan dalam keluarga yang akhirnya akan menjadi lebih serius, membawa kepada keruntuhan institusi kekeluargaan.



MOHD. ALI FAIZ SALLEH
Universiti Utara Malaysia